

PUTRA pecah belah Melayu

> Penubuhan boleh sebabkan tiada parti besar wakili Bumiputera

Oleh Ahmad Suhael Adrian dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

> **Petaling Jaya**

Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penubuhan Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA) akan menyebabkan perpecahan orang Melayu dan tidak ada satu pun parti besar mewakili kaum berkenaan.

Secara sinis, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), berkata penubuhan parti baharu diketuai Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA), Datuk Dr Ibrahim Ali itu sebagai sesuatu yang 'cukup baik' untuk perpecahan orang Melayu.

"Kita, bebas tubuhkan beberapa banyak parti pun dan kalau kita tubuh 100 parti, itu 'cukup baik'. Dengan itu, orang Melayu akan dibahagikan kepada 100 (parti) dan tidak ada satu pun parti Melayu yang besar. Sebab itu saya 'galakkan' lebih banyak penubuhan parti Melayu.

"Kita sengaja tentukan negara ini majoritinya 60 peratus orang Melayu, (jika) berpecah empat tak apa lagi, ini berpecah sampai 100. Kalau itu yang orang Melayu mahu, OK lah katanya pada sidang media se-



[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan BERSATU di Petaling Jaya, Semalam. Yang turut hadir, Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

lepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU di sini, semalam.

BERSATU buat EGM

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), berkata BERSATU akan mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 20 Julai depan untuk membuat beberapa pindaan pada perlembagaan parti yang mempunyai beberapa kekurangan, selain bagi memastikan pentadbiran parti lebih licin.

"Antara pindaan adalah kita nak tentukan supaya perwakilan adil kepada semua ahli, jadi nak beri peluang semua ahli ambil bahagian sekurangnya di peringkat cawangan. Cawangan akan ditentu-

kan komposisinya, begitu juga komposisi di peringkat bahagian," katanya.

Beliau turut mengumumkan parti itu kini secara rasmi boleh menggunakan istilah BERSATU, berbanding PPBM.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum meneliti sebarang kuota untuk diberikan kepada kontraktor Bumiputera terbabit dalam kerja-kerja awam projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memandangkan sistem lama terkesan memberi layanan istimewa kepada kumpulan itu, termasuk berkaitan tender rundingan.

Mengenai Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang tidak bersalaman dengan Sultan Johor, Sultan

Ibrahim Iskandar baru-baru ini, Dr Mahathir berkata ia tidak bererti pihaknya cuba memboikot Istana Johor.

Katanya kesilapan anaknya itu tidak bermakna wujud ketegangan dalam hubungan pihaknya dengan Istana Johor, sebaliknya ia berlaku secara tidak sengaja.

Bagi membuktikan hubungan baik antaranya dengan Sultan Ibrahim, Dr Mahathir menceritakan kisah jenaka 'usia dan janggut' antara mereka berdua, yang mencetuskan ketawa dalam kalangan pemberita.

"Anda perlu tahu bahawa Sultan Johor dan Tunku Mahkota Johor (TMJ) bersalaman dengan saya. Yang itu kamu tidak mahu tunjuk?," katanya.